



## KENYATAAN MEDIA

### PILIHAN RAYA KECIL DEWAN UNDANGAN NEGERI N.06 CHEMPAKA, KELANTAN

1. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah menerima pemakluman rasmi daripada Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan pada **15 Februari 2015** berhubung dengan kekosongan kerusi bahagian pilihan raya Dewan Undangan Negeri N.06 Chempaka, Kelantan berikutan kematian **Ahli Dewan Undangan Negeri, Yang Berhormat Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat** pada **12 Februari 2015**.
2. Berikutan dengannya, SPR telah mengadakan mesyuarat khas mengenainya pada hari ini dan menetapkan bahawa satu pilihan raya kecil perlu diadakan dalam tempoh 60 hari dari tarikh kekosongan yang diputuskan oleh SPR pada **13 Februari 2015** bagi mengisi kekosongan kerusi berkenaan.

3. Bagi tujuan menjalankan pilihan raya kecil **N.06 Chempaka, Kelantan**, SPR yang bermesyuarat pada hari ini, telah bersetuju untuk melantik **seorang Pegawai Pengurus Pilihan Raya dan tiga (3)orang Penolong Pegawai Pengurus**. Bagi tujuan memantau semua aktiviti kempen pilihan raya sepanjang tempoh rasmi berkempen,SPR juga bersetuju untuk menubuhkan **dua (2) Pasukan Penguat Kuasa Kempen Pilihan Raya (PP-KPR)** yang diketuai oleh seorang Pegawai Penguat Kuasa bagi setiap pasukan.

Pegawai Pengurus Pilihan Raya dan pegawai-pegawai lain yang berkenaan yang dilantik adalah sepertiyang berikut:

**Pegawai Pengurus :** **En. Ibrahim Bakri Bin Mat Deris**  
**Pilihan Raya** **Timbalan Ketua Jajahan Kota Bharu**  
**Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu**

**Penolong Pegawai :** (a) **En. Mohd Khalis Syafiq Bin**  
**Pengurus Pilihan** **Mohammad Nor**  
**Raya** **Penolong Ketua Jajahan (Pendaftaran)**  
**Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu**

- : (b) **En. Nik Mohamad Fahmi Bin Nik Daud**  
**Penolong Ketua Jajahan**  
**(Pembangunan Fizikal)**  
**Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu**
- : (c) **Puan Tengku Wajihah Bt. Raja Harun**  
**Penolong Ketua Jajahan (Pelupusan**  
**Tanah)**  
**Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu**
- Ketua Pasukan**  
**Penguatkuasa**  
**Kempen Pilihan**  
**Raya(PP-KPR)** : (a) **Tuan Haji Nik Abdul Halim Bin Haji Nik**  
**Hassan**  
**Penolong Ketua Jajahan**  
**(Penguatkuasaan dan Teknikal)**  
**Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu**
- : (b) **En. Izuddin Bin Ab. Rashid**  
**Penolong Pengarah (Perkhidmatan)**  
**Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB)**

4. Bagi menjalankan pilihan raya kecil N.06 Chempaka, Kelantan, SPR akan menggunakan **Dewan Bitara Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan** sebagai **Pusat Penamaan Calon dan Pusat Penjumlahan Rasmi**

**Undi. Sebanyak 10 Pusat Mengundi akan dibuka bagi tujuan pengundian. Bagi Pusat Pengundian Awal, SPR akan menggunakan Dewan Tan Sri Hamid Bidin, Kem Pengkalan Chepa, Kota Bharu. Manakala sebanyak 9 buah sekolah akan digunakan sebagai Pusat Mengundi yang keseluruhannya akan mengandungi 42 Saluran Tempat Mengundi. Seramai 403 orang petugas pilihan raya akan dilantik untuk pengendalian proses pilihan raya ini dan dianggarkan memerlukan belanjawan sebanyak RM810,000.00.**

5. **Daftar Pemilih yang akan digunakan untuk pilihan raya kecil ini ialah Daftar Pemilih Induk (DPI) 2013 bagi bahagian pilihan raya berkenaan yang digabungkan sehingga Daftar Pemilih Tambahan Suku Ketiga Tahun 2014, dan dikemaskini sehingga 12 Februari 2015. Daftar Pemilih tersebut mengandungi 21,890 pemilih berdaftar yang terdiri daripada 20,390 pemilih biasa, 1,497 pemilih awal dan 3 orang Pengundi Tidak Hadir Luar Negara.**

6. **Daftar Pemilih Pilihan Raya bagi bahagian pilihan raya berkenaan akan mula dijual pada 8 Mac 2015. Para pengundi dalam bahagian pilihan raya berkenaan juga boleh membuat**

semakan Daftar Pemilih untuk mengetahui maklumat pusat mengundi dan saluran mengundi mereka melalui Laman Web SPR ([www.spr.gov.my](http://www.spr.gov.my)) dan melalui SMS dengan menaip **SPR<jarak>SEMAK <jarak>NO. KAD PENGENALAN** dan hantar kepada **15888** mulai **8 Mac 2015** . Selain itu, para pengundi juga boleh menelefon **Ibu Pejabat SPR di Putrajaya (03-88927000)** dan **Pejabat Pilihan Raya Negeri Kelantan (09-748 2510)**.

7. Dengan ini diumumkan bagi menjalankan pilihan raya kecil N.06 Chempaka, Kelantan, SPR telah menetapkan tarikh-tarikh seperti yang berikut:

**Tarikh Keluar Writ : 18 Februari 2015 (Rabu)**

**Tarikh Notis Pilihan Raya : 18 Februari 2015 (Rabu)**

**Tarikh Penamaan Calon : 10 Mac 2015(Selasa)**

**Tarikh Pengundian Awal : 18 Mac 2015 (Rabu)**

**Tarikh Tutup Permohonan Undi Pos :**

**i. Dalam Negara : 12 Mac 2015 (Khamis)**

**ii. Luar Negara : 10 Mac 2015 (Selasa)**

**Tarikh Pengundian Biasa : 22 Mac 2015 (Ahad)**

8. Bagi memastikan proses pelaksanaan pilihan raya kecil ini berjalan lancar, semua pihak diminta mematuhi arahan pihak polis yang bertanggungjawab dalam menjaga ketenteraman awam dan keselamatan urusan pilihan raya. Pemimpin-pemimpin parti-parti politik, calon-calon, petugas-petugas dan para penyokong parti serta mana-mana individu lain yang terlibat semasa berkempen hendaklah mematuhi Undang-Undang dan Peraturan-peraturan Pilihan Raya serta Tata Etika berkempen yang ditetapkan semasa tempoh rasmi kempen.

9. Pada PRK N.06 Chempaka, Kelantan, SPR akan menimbangkan perlantikan pemerhati tempatan jika ada permohonan untuk menjalankan pemerhatian perjalanan proses PRK bermula dari hari penamaan calon sehingga keputusan pilihan raya diumumkan. Para pemerhati tersebut dilantik dari kalangan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan mereka dibenarkan untuk membuat pemerhatian seperti di dalam pusat penamaan calon, pusat mengundi awal, pusat mengundi, tempat pengiraan undi dan proses penjumlahan undi di pusat penjumlahan rasmi undi. Mana-mana pemerhati rasmi yang dilantik oleh SPR akan diberikan kad pemerhati yang perlu dipakai sepanjang membuat pemerhatian

tersebut. Dalam hal ini SPR tidak mengiktiraf mana-mana organisasi dan individu lain selain yang dilantik oleh SPR untuk memantau dan memerhati PRK N.06Chempaka, Kelantan. Pihak SPR berhak untuk menghalang sesiapa yang tidak diberi kebenaran oleh SPR daripada membuat pemerhatian dan pemantauan PRK ini sepanjang tempoh tersebut.

10. Di sini juga SPR ingin menarik perhatian bahawa pada hari mengundi, tiap-tiap majikan daripada sektor awam dan swasta dikehendaki memberi tempoh yang munasabah kepada pengundi-pengundi yang bekerja dengannya untuk keluar mengundi. Subseksyen 25 (1) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 memperuntukkan seperti yang berikut:

“25. (1) Tiap-tiap majikan hendaklah, pada hari mengundi membenarkan suatu tempoh yang munasabah bagi tiap-tiap pemilih yang bekerja dengannya mengundi, dan tiada majikan boleh membuat apa-apa potongan daripada gaji atau saraan lain mana-mana pemilih itu atau mengenakan ke atasnya atau menuntut daripadanya apa-apa penalti oleh sebab dia tidak hadir bekerja dalam tempoh itu”.

Majikan yang tidak membenarkan pekerjaanya yang menjadi pemilih berdaftar untuk keluar mengundi boleh didenda sebanyak lima ribu ringgit (RM5,000) atau satu tahun penjara sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subsekyen 25(3) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954.

11. Maklumat-maklumat lain berhubung dengan pilihan raya kecil ini akan dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Ibu Pejabat SPR atau Pengarah Pilihan Raya Negeri Kelantan dan Pegawai Pengurus Pilihan Raya N.06 Chempaka, Kelantan.

Sekian dan terima kasih.

.....t.t.....  
**(TAN SRI DATO' SERI ABDUL AZIZ BIN MOHD YUSOF)**

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

**PUTRAJAYA**

18 Februari 2015